Tajuk : **Alat Semaian Automatik**
Aktiviti : Menjawab Soalan Pemahaman

Arahan: Baca dan fahami petikan dialog pada muka surat 132. Dapatkan maklumat penting tentang dialog tersebut. Jawab soalan pemahaman yang di berikan.

Menulis

Alat Semaian Automatik



Zara, Dina dan Alif melawat ke pusat semaian milik Encik Harun. Di sana, mereka telah melihat alat semaian.

Encik Harun: Selamat datang Alif, Dina dan Zara ke pusat semaian benih sayur-sayuran. Ini alat semaian yang baru sahaja pak cik beli. Alat ini ciptaan syarikat anak tempatan.



Zara: Apakah kegunaan alat ini, pak cik?

Encik Harun: Alat ini untuk memudahkan proses penyemaian biji benih.

Dina: Bagaimanakah alat ini berfungsi, pak cik?

Encik Harun: Begini, Dina. Mula-mula, masukkan biji benih ke dalam alat ini. Tujuannya untuk meratakan biji benih. Kemudian, letakkan alat ini di atas bekas semaian. Biji benih akan diisikan secara serentak ke dalam bekas semaian.



Alif: Wah, kerja semaian akan menjadi lebih pantas! Lebih banyak biji benih dapat disemai.

Encik Harun: Betul, Alif. Jumlah pengeluaran sayur-sayuran daripada kebun ini juga akan meningkat.



Zara: Nanti, bolehlah kita memetik sayur-sayuran di sini.

Encik Harun: Boleh, Zara.

Zara: Terima kasih, Pak Cik Harun.

1. Siapakah yang mencipta alat semaian itu?

Alat semaian itu di cipta oleh _____

2. Apakah kegunaan alat semaian ?

Kegunaan alat ini adalah untuk _____ **proses** _____ **biji benih**

3. Nyatakan cara penggunaan alat semaian tersebut

_____ **dimasukkan ke dalam alat ini lalu diisikan secara** _____ **ke dalam** _____

4. Mengapakah alat tersebut dikatakan dapat meningkatkan pengeluaran sayur?

Alat tersebut dikatakan dapat meningkatkan pengeluaran sayur kerana _____ **semaian menjadi lebih** _____

5. Pada pendapat kamu, bolehkah alat ini mengurangkan beban kerja manusia? Mengapa?

Pada pendapat saya, alat ini dapat mengurangkan beban kerja manusia kerana kerja penyemaian dapat dilakukan dengan _____ **secara** _____

kerja	serentak	automatik	Biji benih
mesin	penyemaian	syarikat anak tempatan	
dulang semaian	memudahkan	pantas	

LIVEWORKSHEETS LIVEWORKSHEETS